

11 AUG 1998

MALAYSIA-LAOS/I

MALAYSIA, LAOS METERAI PERJANJIAN BAGI MEMPERKEMBANG KERJASAMA EKONOMI

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Laos yang dagangan dua halanya berjumlah RM6.5 juta pada 1997, hari ini menandatangani perjanjian untuk memperluas dan memperkembangkan kerjasama perdagangan, ekonomi dan industri.

Di bawah perjanjian itu, kerajaan kedua-dua negara bersetuju untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan dan menggalakkan pengusaha-pengusaha swasta menerokai peluang dalam perdagangan, demikian menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam kenyataannya di sini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, menandatangani perjanjian itu bagi pihak Malaysia, sementara Laos diwakili oleh Menteri Perdagangan dan Pelancongannya, Phoumy Thippavone, dalam satu upacara yang disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Laos, Sisavath Keobounphanh, di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Keobounphanh kini mengetuai delegasi 12-anggota yang dalam lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia. Lawatan rasmi ini adalah yang pertama bagi ketua kerajaan Laos sejak ia menganggotai Asean Julai tahun lepas.

Menurut MITI, perjanjian perdagangan itu juga menggalakkan hubungan perdagangan di antara kedua-dua negara menerusi pemberian taraf Negara Yang Paling Diutamakan oleh kedua pihak bagi semua perkara yang berkaitan dengan tarif kastam, cukai, caj dan tatacara kastam untuk mengimport dan mengeksport produk.

Ia juga mengarah kepada penubuhan jawatankuasa perdagangan bersama untuk membincangkan langkah-langkah bagi menggalakkan perdagangan dua hala dan juga memudahkan penyertaan syarikat-syarikat dari kedua-dua negara dalam pameran perdagangan termasuk duti kastam dan caj seumpamanya yang lain atas barang dan contoh yang dimaksudkan untuk pameran perdagangan.

Pada 1997, Malaysia mengeksport barangan bernilai RM6.2 juta ke Laos berbanding dengan import yang berjumlah RM0.27 juta.

Eksport utama merupakan alat penerima televisyen, kontena dan mesin-mesin pejabat sementara barangan yang import terutamanya adalah kopi, alkohol dan tekstil.

Bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, hubungan dagangan dua hala Malaysia dengan Laos berjumlah RM3.4 juta.

Menurut MITI, jumlah pelaburan terkumpul Malaysia di Laos dari 1992 hingga Jun 1998 berjumlah RM1.04 bilion.

Malaysia merupakan pelaburan kelima terbesar di Laos. Terdapat 18 syarikat Malaysia yang beroperasi di negara ini dengan pelaburan-pelaburan dalam pembinaan jalanraya, janakuasa elektrik hidro, pelancongan, perbankan, pemprosesan kayu balak dan pendidikan.

Menurut MITI, adalah dijangkakan bahawa perjanjian perdagangan ini akan menyediakan rangkakerja yang boleh membantu meningkatkan perdagangan dua hala dan memastikan perluasan pelaburan Malaysia di Laos, sebuah negara tanpa pantai di tengah-tengah semenanjung Indo-china.

-- BERNAMA

MFJ JR MA